



**TERMA DAN SYARAT KEMPEN KHAS UNTUK “PELANGGAN PR1MA”  
DENGAN PEMBIAYAAN PERUMAHAN BSN MyHome/i / TERMS AND  
CONDITIONS SPECIAL CAMPAIGN FOR “PR1MA CUSTOMERS” WITH BSN  
MyHome/i HOME FINANCING**

**TEMPOH KEMPEN / CAMPAIGN PERIOD**

1. Kempen Khas untuk “Pelanggan PR1MA” dengan Pembiayaan Perumahan BSN MyHome/i (“Kempen”) yang dianjurkan oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) akan berlangsung dari **01 April 2025 sehingga 30 September 2025** (“Tempoh Kempen”), melainkan dinyatakan sebaliknya oleh BSN. Penyertaan yang diterima selepas Tempoh Kempen tamat tidak akan diterima dan/atau terbatal. / *Special Campaign for “PR1MA Customer” with BSN MyHome/i Home Financing (“Campaign”) that is organized by Bank Simpanan Nasional (BSN) will commence from 01 April 2025 until 30 September 2025 (“Campaign Period”), unless notified otherwise by BSN. Entries received outside the Campaign Period will not be accepted and/or disqualified.*

**KELAYAKAN / ELIGIBILITY**

2. Semua pelanggan yang memenuhi syarat di bawah adalah layak untuk menyertai Kempen ini (“Pelanggan yang Layak”): / *All customers who fulfil the following conditions are eligible to participate in this Campaign (“Eligible Customer”):*

<b>KELAYAKAN / ELIGIBILITY</b>	
1.	<p>a) Kempen ini adalah eksklusif untuk pelanggan produk pembiayaan rumah BSN MyHome/i (“Pembiayaan”) bagi pembelian hartanah daripada Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA); / <i>The Campaign is exclusive to BSN MyHome/i Home Financing product (under product code PR1MA) (“Financing”) customers for the property purchased from PR1MA Corporation Malaysia (PR1MA);</i></p> <p>b) Terbuka kepada semua pelanggan BSN baharu dan sedia ada; / <i>Open to all new and existing BSN customers;</i></p> <p>c) Pelanggan hendaklah telah memohon dan ditawarkan Pembiayaan dengan jumlah Pembiayaan minimum <b>RM200,000.00</b> (termasuk yuran takaful / insurans dan guaman (jika ada)) serta telah menandatangani penerimaan tawaran dan dokumentasi Pembiayaan dalam Tempoh Kempen; / <i>To qualify, the customer shall have applied for and has been granted with the Financing with the minimum Financing amount of RM200,000.00 (including the takaful / insurance and legal fee (if any)) and has executed the acceptance of the offer and signed the Financing documentation within the Campaign Period.</i></p>
2.	<p>Akaun Pembiayaan hendaklah masih kekal aktif berkuat kuasa dan sah pada masa cabutan Hadiah dibuat; / <i>The Financing account must remain active and valid at the time the Prize Draw is made.</i></p>

3. Entiti-entiti / individu-individu yang berikut **TIDAK LAYAK** untuk menyertai Kempen ini: / *The following entities/individuals shall NOT BE ELIGIBLE to participate in the Campaign:*
  - a) Kakitangan tetap dan / atau kontrak BSN atau anak syarikatnya atau syarikat-syarikat berkaitan dan/atau ahli keluarga terdekat mereka (iaitu suami, isteri, anak-anak dan ibu bapa) / *Permanent and / or contract employees of BSN or its subsidiaries or its related companies and/or their immediate family members (i.e., spouses, children and parents).*



**TERMA DAN SYARAT KEMPEN KHAS UNTUK “PELANGGAN PR1MA”  
DENGAN PEMBIAYAAN PERUMAHAN BSN MyHome/i / TERMS AND  
CONDITIONS SPECIAL CAMPAIGN FOR “PR1MA CUSTOMERS” WITH BSN  
MyHome/i HOME FINANCING**

- b) Wakil-wakil dan / atau ejen-ejen BSN (termasuk tetapi tidak terhad kepada ejen pengiklanan, ejen promosi dan pembekal perkhidmatan atau vendor computer / sistem / teknologi); / *BSN’s representatives and/or agents (including but not limited to the advertising agents, promotion agents and the computer/systems/technology service provider or vendor).*
- c) Individu di bawah umur dua puluh satu (21) tahun; dan / *Individuals below the age of twenty one (21) years old; and*
- d) Bukan warganegara Malaysia. / *Non-Citizen of Malaysia.*

**HADIAH / PRIZES**

4. Berikut adalah hadiah yang ditawarkan di bawah Kempen ini (“Hadiah”) / *Prizes offered under this Campaign are as below (“Prizes”):*

<b>Bil. / No.</b>	<b>Kategori Hadiah /Prizes Category</b>	<b>Hadiah /Prizes</b>
1.	Hadiah Bulanan x 3 pemenang setiap bulan / <i>Monthly Prize x 3 winners every month</i>	Baucar Harvey Norman Bernilai RM2,000.00 / <i>Harvey Norman Voucher worth RM2,000.00</i>
2.	Hadiah Utama x 1 pemenang / <i>Grand Prize x 1 winner</i>	Baucar Harvey Norman Bernilai RM5,000.00 / <i>Harvey Norman Voucher worth RM5,000.00</i>

5. Selepas cabutan Hadiah dilakukan, Pelanggan yang Layak yang terpilih (“Pemenang”) akan dimaklumkan melalui panggilan telefon ataupun apa-apa kaedah yang ditentukan oleh BSN berdasarkan butiran peribadi lengkap yang diserahkan semasa permohonan Pembiayaan. / *After the draw for the Prize has been performed, the selected Eligible Customers (“Winner(s)”) will be notified through telephone call or any other method determined by BSN based on the complete contact information provided during the Financing application.*
6. BSN tidak akan bertanggungjawab sekiranya kemenangan Pemenang dibatalkan atas sebab Pemenang **GAGAL DIHUBUNGI** atas apa jua sebab; / *BSN shall not be held responsible if the Winner’s winning is cancelled in the event the Winner **CANNOT BE CONTACTED** by BSN for any reason whatsoever;*
- a) selepas sekurang-kurangnya **TIGA (3) KALI** percubaan oleh pihak BSN semasa hari bekerja (Isnin hingga Jumaat dari 8.30 pagi hingga 5.30 petang) DAN/ATAU / *after at least **THREE (3) ATTEMPTS** during the working hours (Monday to Friday from 8.30am until 5.30pm) AND/OR*
  - b) sehingga habis tempoh satu (1) bulan dari tarikh tamat Kempen / *until the end of one (1) month’s period from the last day of the Campaign.*



**TERMA DAN SYARAT KEMPEN KHAS UNTUK “PELANGGAN PR1MA”  
DENGAN PEMBIAYAAN PERUMAHAN BSN MyHome/i / TERMS AND  
CONDITIONS SPECIAL CAMPAIGN FOR “PR1MA CUSTOMERS” WITH BSN  
MyHome/i HOME FINANCING**

7. Sekiranya Pemenang memerlukan wakil untuk menuntut Hadiah bagi pihak mereka, wakil Pemenang hendaklah menyerahkan surat kebenaran asal yang ditandatangani oleh Pemenang berserta salinan MyKad Pemenang dan/atau dokumen sokongan lain yang dikehendaki oleh BSN. BSN berhak menghubungi Pemenang bagi mengesahkan kebenaran tersebut. / *If the Winners require a representative to claim for the Prize(s) on their behalf, the representative shall produce the original copy of the authorization letter signed by the Winner together with a copy of the Winner's MyKad together with other supporting documents as requested by BSN. BSN reserves the right to contact the Winners to verify such authorization.*
8. BSN tidak memberi sebarang representasi atau jaminan dan tidak akan melayan sebarang aduan mengenai kualiti dan/atau kesesuaian Hadiah serta tidak bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang Hadiah yang hilang, dicuri, cacat dari segi bahan atau pertukangan oleh pengilang di bawah jaminan atau sebaliknya. Pemenang perlu berurusan secara langsung dengan pengilang untuk maklumat jaminan atau tuntutan tanpa perlu melalui BSN (jika berkenaan). / *BSN makes no representation or warranty and shall not entertain any complaints with regard to the quality and/or suitability of the Prizes and shall not be responsible to replace any lost, stolen, or defective due to defects in materials or workmanship by manufacturer under the warranty or otherwise. The Winner shall liaise with the manufacturer directly for such warranty or claim without recourse to BSN.*
9. Setiap Pelanggan yang Layak/Pemenang hanya layak memenangi **satu (1)** Hadiah sahaja sepanjang Tempoh Kempen. / *Each Eligible Customer/Winner is eligible to win only **one (1)** Prize during the Campaign Period.*
10. BSN berhak untuk memilih Pemenang tambahan untuk menggantikan mana-mana Pemenang yang mungkin tidak layak atau tidak dapat dihubungi (sepertimana dinyatakan di Klausu 6 di atas) atau hilang kelayakan atas apa-apa jua sebab lain sepanjang Tempoh Kempen. / *BSN reserves the right to select an additional winner to substitute any winner who may be ineligible or cannot be contacted (as stipulated in Clause 6 above) or disqualified for any reason whatsoever throughout the Campaign Period.*
11. Hadiah akan diberikan kepada Pemenang selepas dokumentasi Pembiayaan lengkap ditandatangani dan nama Pemenang akan diumumkan di Laman WebBSN di [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my) (“Laman Web BSN”) dan/atau laman Facebook BSN atau melalui mana-mana agensi media yang bekerjasama dengan BSN atau melalui sebarang kaedah komunikasi yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa./ *The Prize will be awarded to the Winner after the execution of the Financing documentation and upon the Winner's name being announced on BSN's website at [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my) (“BSN's Website”) and/or BSN's Facebook page or through any media agency in collaboration with BSN or via any other communication method determined by BSN from time to time.*
12. Sekiranya terdapat majlis penyampaian Hadiah atau acara publisiti lain yang dianjurkan oleh BSN berkaitan dengannya, BSN akan memaklumkan perkara tersebut kepada Pemenang melalui apa-apa kaedah yang difikirkan sesuai dan Pemenang dikehendaki menghadiri majlis penyampaian Hadiah atau acara publisiti lain tersebut di mana sebarang kos sampingan termasuk tetapi tidak terhad kepada kos perjalanan adalah ditanggung oleh Pemenang. Penerimaan Hadiah oleh wakil Pemenang di majlis atau acara tersebut adalah tertakluk kepada Klausu 7 di atas. / *In the event that*



**TERMA DAN SYARAT KEMPEN KHAS UNTUK “PELANGGAN PR1MA”  
DENGAN PEMBIAYAAN PERUMAHAN BSN MyHome/i / TERMS AND  
CONDITIONS SPECIAL CAMPAIGN FOR “PR1MA CUSTOMERS” WITH BSN  
MyHome/i HOME FINANCING**

*there is Prize giving ceremony or any other publicity event organized by BSN, BSN will inform the Winners on the same via any communication that BSN deems suitable and the Winners shall attend the said ceremony or event whereby all the incidental costs including but not limited to traveling cost shall be borne by the Winners. Acceptance of the Prize by the representative of the Winner(s) is subject to Clause 7 above.*

13. BSN berhak mengubah tarikh, masa dan/atau tempat yang telah ditentukan bagi menuntut/menyerahkan Hadiah ke tarikh, masa dan/atau tempat lain yang akan dimaklumkan oleh BSN kepada Pemenang dengan memberikan notis yang secukupnya dalam tempoh tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari. / *BSN reserves the right to change the date, time and/or venue for the Prize giving/redemption ceremony to a different date, time and/or venue that will be notified by BSN to the Winners by providing sufficient notice not less than twenty-one (21) days.*
14. BSN berhak dengan budi bicaranya untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan barangan yang sama nilainya, pada bila-bila masa dengan memberikan notis yang secukupnya dalam tempoh tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari jika Hadiah tersebut tidak tersedia atas apa jua alasan. Semua Hadiah diberikan dalam 'keadaan sedia ada' dan tidak boleh ditukarkan dengan wang tunai, kredit, barangan lain atau baucar, sama ada sebahagian atau sepenuhnya. / *BSN reserves the right in its discretion to substitute any of the Prizes with items of equivalent value, at any time by providing sufficient notice not less than twenty-one (21) days prior notice if the Prizes are unavailable for any reason whatsoever. All Prizes are given on an "as is" basis and are not exchangeable for cash, credit, other items or voucher, in part or in full.*
15. Semua Pemenang mesti mematuhi Terma dan Syarat ini serta terma dan syarat yang disertakan dengan Hadiah, sekiranya ada. / *All Winners shall abide to the Terms and Condition of BSN for these Terms and Conditions and the terms and conditions attached to the Prizes, if any.*
16. Penentuan Pemenang adalah muktamad. Tiada sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau protes akan dilayan. / *The selection of the Winners is final. No correspondence, queries, appeals or protest will be entertained.*

**HAK BANK / BANK'S RIGHT**

17. BSN mempunyai hak untuk mengubah suai, menggantung atau membatalkan Kempen ini sekiranya ia tidak dapat berjalan seperti yang dirancang atas sebarang sebab termasuk gangguan atau kerosakan teknikal, termasuk tetapi tidak terhad kepada jangkitan oleh virus komputer, pepijat, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, atau apa-apa sebab di luar kawalan BSN. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Pelanggan yang Layak/Pemenang secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan ini. / *BSN reserves the right to modify, suspend or cancel this Campaign in the event that it becomes incapable of running as planned, technically interfered or corrupted, including but not limited to infection by computer virus, bugs, tampering, unauthorised intervention, fraud, technical failures, or any other causes beyond the control of BSN. BSN will not be responsible for or accept any liability incurred by the Eligible Customers/Winners directly or indirectly, caused by the changes.*



**TERMA DAN SYARAT KEMPEN KHAS UNTUK “PELANGGAN PR1MA”  
DENGAN PEMBIAYAAN PERUMAHAN BSN MyHome/i / TERMS AND  
CONDITIONS SPECIAL CAMPAIGN FOR “PR1MA CUSTOMERS” WITH BSN  
MyHome/i HOME FINANCING**

18. BSN berhak, mengikut budi bicaranya, untuk membatalkan penyertaan mana-mana Pelanggan yang Layak yang didapati atau disyaki menyalahgunakan proses penghantaran penyertaan Kempen, operasi Kempen ini atau melanggar Terma dan Syarat Kempen. BSN mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang BSN percayai telah melaksanakan aktiviti penipuan atau lain-lain aktiviti yang memberi kesan buruk kepada Kempen ini. / *BSN reserves the right, in its discretion, to disqualify any Eligible Customers that is found or suspected of tampering with the Campaign’s process, the operation of this Campaign or to be in violation of the Terms and Conditions of this Campaign. BSN reserves the right to pursue legal action against any individual it believes has undertaken fraudulent activities or other activities harmful to this Campaign.*

**LIABILITI DAN TANGGUNGJAWAB / LIABILITY AND RESPONSIBILITY**

19. Pelanggan Yang Layak adalah bertanggungjawab dan menanggung sepenuhnya dan melepaskan BSN sepenuhnya daripada sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang timbul akibat daripada penyertaan Kempen ini. / *Eligible Customers shall assume full liability and responsibility in case of and fully release BSN from any liability, mishap, injury, damage, claim or accidents (including death) resulting from their participation in this Campaign.*
20. Sebarang kos, yuran dan/atau perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung untuk menyertai Kempen ini dan/atau menuntut Hadiah termasuk tetapi tidak terhad kepada kos untuk pengangkutan, penginapan, makan, kos peribadi dan/atau sebarang kos lain (mana-mana yang berkaitan) adalah di bawah tanggungjawab penuh Pelanggan Yang Layak / Pemenang. / *Any expenses cost, fee and/or expenses incurred or to be incurred to participate in this Campaign and/or to redeem the Prize including but not limited to the cost for transportations, accommodation, meals, personal costs and/or any other costs (whichever is relevant) is the sole responsibility of the Eligible Customers / Winners.*
21. BSN juga tidak akan bertanggungjawab terhadap gangguan teknikal yang menghalang mana-mana individu daripada menyertai Kempen ini. / *BSN is not responsible for technical problems that prevent any individual from participating in this Campaign.*
22. BSN tidak menjamin dan tidak menjanjikan sebarang keputusan tertentu kepada mana-mana Pelanggan Yang Layak berhubung penyertaan Kempen ini. / *BSN does guarantee and does not promise any specific results to the Eligible Customers in relation to the participation in this Campaign.*

**DATA PERIBADI / PERSONAL DATA**

23. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak dengan ini bersetuju memberikan keizinan kepada BSN dan/atau sekutunya, untuk menggunakan Data Peribadi dan Butiran Penyertaan seperti yang diberikan kepada BSN untuk tujuan Kempen ini, tertakluk kepada Polisi Privasi yang terdapat di Laman Web BSN. / *By participating in this Campaign, the Eligible Customers hereby voluntarily gives express consent to BSN and/or its affiliates, to use the Personal Data and Participation Details as provided to BSN for the purposes of this Campaign, subject to the Privacy Policy that is available*





**TERMA DAN SYARAT KEMPEN KHAS UNTUK “PELANGGAN PR1MA”  
DENGAN PEMBIAYAAN PERUMAHAN BSN MyHome/i / TERMS AND  
CONDITIONS SPECIAL CAMPAIGN FOR “PR1MA CUSTOMERS” WITH BSN  
MyHome/i HOME FINANCING**

on BSN’s Website.

24. Pelanggan Yang Layak mempunyai hak pada bila-bila masa untuk: / *The Eligible Customers have the right at any time to:*
- a) Menarik balik kebenaran yang diberikan untuk menggunakan Data Peribadi; / *Withdraw their consent for the use of Personal Data;*
  - b) Meminta apa-apa pembetulan dilakukan / mengemaskini Data Peribadi; dan / *Request for any correction / update of Personal Data; and*
  - c) Bertanyakan sebarang pertanyaan mengenai penggunaan Data Peribadi / *Raise any questions regarding the use of Personal data;*
- dengan menghubungi BSN sepertimana dinyatakan dalam Polisi Privasi BSN / *by contacting BSN as stated in the BSN’s Privacy Policy.*

**TERMA & SYARAT AM / GENERAL TERMS & CONDITIONS**

25. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak/Pemenang dianggap telah bersetuju:- / *By participating in this Campaign, all Eligible Customers/Winners are deemed to have agreed:-*
- d) Untuk terikat dengan Terma dan Syarat di sini dan lain-lain terma dan syarat yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa termasuk apa-apa pindaan ke atasnya; dan / *To be bound by the Terms and Conditions herein and any other terms and conditions stipulated by BSN from time to time including any amendment thereto; and*
  - e) Untuk mengakses Laman Web BSN dari semasa ke semasa untuk memastikan Pelanggan Yang Layak/Pemenang sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma dan Syarat. / *To access to BSN’s Website from time to time to ensure that the Eligible Customers/Winners are updated with any change or variation made to the Terms and Conditions.*
26. Pelanggan yang Layak/Pemenang bersetuju dan membenarkan butir-butir peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi atau maklumat dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh BSN dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada, untuk tujuan Kempen ini selaras dengan Polisi Privasi BSN, yang boleh didapati di Laman Web BSN. / *The Eligible Customers/Winners agree and consent to their personal details including without limitation to personal data or information being collected, processed and used by BSN and/or third party service providers engaged by BSN, if any, for the purposes of this Campaign in accordance with BSN’s Privacy Policy, which may be viewed on BSN’s Website.*
27. Semua keputusan yang dikeluarkan BSN berkaitan Kempen ini adalah muktamad, terikat ke atas semua Pelanggan yang Layak, konklusif dan tidak boleh dipertikaikan. Sebarang surat menyurat, rayuan dan/atau percubaan untuk mempertikaikannya tidak akan dilayan. / *BSN’s decisions relating to the Campaign is final, binding on all Eligible Customers, conclusive and undisputable. No further correspondence and/or appeal to dispute the same will be entertained.*



**TERMA DAN SYARAT KEMPEN KHAS UNTUK “PELANGGAN PR1MA”  
DENGAN PEMBIAYAAN PERUMAHAN BSN MyHome/i / TERMS AND  
CONDITIONS SPECIAL CAMPAIGN FOR “PR1MA CUSTOMERS” WITH BSN  
MyHome/i HOME FINANCING**

28. Dalam apa keadaan sekalipun, BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, kecuaiian atau sebaliknya, berkaitan dengan Kempen dan/atau Hadiah. / *In all circumstances BSN shall not be held responsible and/or liable for any loss or damages (including without limitation to loss of income, profits or goodwill, direct or indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive or special damages of any party including third parties) howsoever arising whether in contract, negligence or otherwise, in connection with the Campaign and/or Prizes.*
29. BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung dan juga tidak menerima sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Pelanggan yang Layak/Pemenang yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung dalam menyertai Kempen ini atau sebaliknya. BSN tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kemungkiran obligasi di bawah Kempen ini disebabkan oleh kejadian force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, pandemik dan/atau epidemik peperangan, rusuhan, sekat masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah BSN. / *BSN shall not be held responsible and/or liable nor shall it accept any form of liability in whatsoever nature and howsoever arising or suffered by Eligible Customers/Winners resulting, directly or indirectly, from participation in the Campaign or otherwise. Furthermore, BSN shall not be liable for any default of its obligation under the Campaign due to any force majeure event which includes but not limited to act of God, pandemic and/or epidemic, war, riot, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm or any event beyond the reasonable control of BSN.*
30. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak/Pemenang memberi kebenaran kepada BSN untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar atau lain-lain maklumat Pelanggan yang Layak/Pemenang untuk tujuan pengiklanan dan promosi semasa dan akan datang serta pengumuman pemenang dalam apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh BSN dan/atau penyedia Perkhidmatan yang diberikuasa oleh BSN. Pelanggan Yang Layak/Pemenang tidak berhak untuk menuntut pemilikan atau lain-lain bentuk gantirugi ke atas butiran yang diterbitkan atau dipamerkan tersebut./ *By participating in this Campaign, the Eligible Customers/Winners consent to BSN to publish or display the name, picture or any other information of the Eligible Customers/Winners for current and future advertising and promotional purposes as well as for the Winners' announcement in any manner that BSN and/or its authorized service providers deems appropriate. The Eligible Customers/Winners are not entitled to claim for the ownership or any other type of compensation on such details that are published or advertised.*
31. BSN berhak mengikut budi bicaranya untuk meminda, mengubah, membatalkan atau menambah mana-mana Terma dan Syarat ini, keseluruhan atau sebahagian, termasuk tidak terhad kepada Tempoh Kempen, tarikh permulaan dan tarikh tamat Tempoh Kempen, pada bila-bila masa dengan memberikan notis yang secukupnya, dalam tempoh tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari sebelum sebelum pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan tersebut, melalui makluman di Laman Web BSN dan/atau halaman media sosial rasmi BSN, melalui pos, media massa, paparan notis di cawangan BSN, melalui alat elektronik atau apa-apa kaedah komunikasi



**TERMA DAN SYARAT KEMPEN KHAS UNTUK “PELANGGAN PR1MA”  
DENGAN PEMBIAYAAN PERUMAHAN BSN MyHome/i / TERMS AND  
CONDITIONS SPECIAL CAMPAIGN FOR “PR1MA CUSTOMERS” WITH BSN  
MyHome/i HOME FINANCING**

yang BSN fikirkan sesuai. Sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan kepada Terma dan Syarat ini akan mengikat Pelanggan yang Layak dan/atau Pemenang./ *BSN reserves the right at its discretion to amend, vary, delete or add to any of these Terms and Conditions, in whole or in part, including but not limited to the Campaign Period, commencement and end date of the Campaign, at any time by providing sufficient notice, for a period of not less than twenty-one (21) days prior to such amendment, variation, deletion or addition become effective, by posting the same on at BSN's Website and/or BSN's official social media page, by post, by notification in the mass media, by posting the notice in BSN's branches or by electronic transmission or any other method of communication that BSN think appropriate. Any amendment, variation, deletion or addition to the Terms and Conditions herein shall be binding on the Eligible Customers and/or Winners.*

32. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat Kempen ini dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka Terma dan Syarat ini akan terpakai. Sebarang perkara mengenai Kempen yang tidak dinyatakan di dalam Terma dan Syarat adalah bergantung kepada budi bicara pihak BSN. / *In the event of any inconsistency between the Terms and Conditions and any advertising, promotional, publicity and other materials relating to or in connection with the Campaign, then these Terms and Conditions shall prevail. Any matter with regards to the Campaign which is not covered in these Terms and Conditions will be determined by BSN at its discretion.*
33. Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia. / *These Terms and Conditions shall be subject to and construed in accordance by the Laws of Malaysia and subject to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.*
34. Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut berhubung Kempen ini, sila hubungi BSN di 1300 88 1900. / *For more information and query relating to the Campaign, please contact BSN at 1300 88 1900.*

**- TERMA DAN SYARAT KEMPEN TAMAT -  
- END OF CAMPAIGN TERMS AND CONDITIONS-**